

PETIKAN TITAH
"MEMANDANGKAN pendidikan adalah
suluh kepada kehidupan ini, maka ia
mestilah dimartabatkan sebagai
kepentingan kebangsaan yang perlu diisi.
Caranya antara lain ialah dengan



MANISNYA IMAN
"TELAH timbul pelbagai kerosakan dan
bala bencana di darat dan di laut dengan
sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan
manusia. Timbulnya yang demikian kerana
Allah hendak merasakan mereka sebahagian

Rabu
21 Julai 2005
20 Jamadilakhir, 1426
Tahun 50 Bilangan 29

[Berita Utama](#)

[Berita Ringkas](#)

[Haluan](#)

[Dari Sidang Pengarang](#)

[Melirik Masa Silam](#)

[Sorotan](#)

[Fokus](#)

[Suara Dari Mimbar](#)

[Menuju Keredaan Allah](#)

[Teropong Pelita](#)

[Bicara IT](#)

[Minda Pembaca](#)

[Remaja](#)

[Arena Sukan](#)

[Iklan-iklan Jawatan](#)

[Kosong](#)

[Iklan-iklan Tawaran](#)

[Arkib](#)

TAHUKAH AWDA?

MENURUT Jadual Kedua
Akta Penyalahgunaan
Dadah, Penggal 27, Seksyen
8, hukuman bagi kesalahan
menanam pokok yang
menghasilkan dadah ialah
maksima 20 tahun penjara,
denda \$40,000 atau
kedua-duanya sekali; minima
tiga tahun penjara, denda
\$5,000 atau kedua-duanya
sekali. Manakala di bawah
Seksyen 9, hukuman bagi
kesalahan membenarkan
tempat kediamannya
digunakan untuk aktiviti
dadah ialah maksima 10
tahun penjara, denda
\$40,000 atau kedua-duanya
sekali; minima dua tahun
penjara, denda \$4,000 atau
kedua-duanya sekali.
Sementara di bawah Seksyen
11, hukuman bagi
bersubahat melakukan
kegiatan dadah di luar
Negara Brunei Darussalam
ialah maksima 10 tahun
penjara, denda \$40,000 atau
kedua-duanya sekali; minima
dua tahun penjara, denda
\$4,000 atau kedua-duanya
sekali. - Sumber: Biro
Kawalan Narkotik, Jabatan
Perdana Menteri. [] BKN
(C)/21.6. (23 Julai 2005: 2).

Pelita Brunei Online
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

Alamat e-mail:
[Pelita Brunei](mailto:pelita@brunei.gov.bn)

HALUAN



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Sidang Kemuncak Kedua Negara-negara Selatan bagi Ketua-ketua Negara dan Kerajaan di Doha, Qatar pada 15 - 16 Jun 2005.

PERPADUAN YANG KUKUH PENTING BAGI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim*

ALHAMDULILLAH! Rabbi'l 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaah Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta ingin melafazkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Yang Teramat Mulia Sheikh Hamad bin Khalifa Al-Thani dan kerajaan serta rakyat Qatar atas sambutan istimewa, kemurahan hati juga atas layanan mereka yang cukup mesra. Sememangnya amat menyenangkan sekali berada di sini.

Beta juga ingin menyampaikan ucapan tahniah kepada Yang Teramat Mulia dan rakyat atas pembangunan yang cukup indah dan mengagumkan sebagaimana yang disaksikan di negara ini. Beta amat mengagumi keyakinan yang diperlihatkan oleh rakyat Yang Teramat Mulia dalam menghadapi segala cabaran dunia moden. Beta ucapkan tahniah kepada Yang Teramat Mulia dan rakyat, di mana beta mengucapkan terima kasih sekali lagi kerana mempertemukan kita semua.

Beta juga mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan yang mendalam kepada Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Jamaica atas kepimpinan beliau selaku Pengerusi Kumpulan 77 dan China juga atas usaha gigihnya mempromosikan kepentingan kita sebagai negara membangun.

Kami di Negara Brunei Darussalam amat tertarik bilamana kami julung-julung kali menghadiri Sidang Kemuncak Negara-negara Selatan di Havana lima tahun yang lalu. Ianya banyak membantu kami memahami keprihatinan khusus yang dirasakan oleh negara-negara membangun kita. Ianya sedikit sebanyak lebih rapatkan lagi kita dengan teman-teman sejawat kita di Negara-negara Selatan.

Sejak itu ianya semakin meningkatkan lagi ruang lingkup hubungan dua hala kita serta memberikan tumpuan yang lebih jelas dalam pelbagai perbincangan kita. Lebih-lebih lagi beta percaya sebahagian besar matlamat yang amat penting yang diaturkan dalam Sidang Kemuncak Milenium yang bergantung pada mulanya kepada pemahaman bersama yang dicapai oleh para pemimpin Negara-negara Selatan.

Kita kini semakin menyedari tentang kepentingan kolektif kita serta apa yang kita faham mengenai kerjasama antarabangsa yang tulen. Yang pasti, masih banyak yang perlu dicapai dalam istilah praktikal.

Namun beta percaya asas yang baik dalam kesepakatan dan perpaduan telah dirumuskan di Havana. Ianya menempatkan kita pada kedudukan yang lebih baik daripada dahulu untuk bekerja dengan berjaya bersama teman-teman sejawat dalam dunia perindustrian sepenuhnya.

Pada Sidang Kemuncak Kedua ini, beta percaya kita berada dalam kedudukan untuk menyampaikan keprihatinan kita dengan pandangan yang lebih mendalam. Kita berada dalam kedudukan yang lebih baik dari dahulu untuk menimbangkan isu-isu besar yang terbit dari globalisasi, pertumbuhan sains dan teknologi serta konsep Kerjasama Selatan-selatan.

Kita mempunyai pengalaman berharga selama lima tahun untuk dipelajari. Kita telah memperoleh keyakinan di mana meningkatnya dengan pesat jumlah pakar, ahli pemikir dan penyelidik yang berasal dari negara-negara kita sendiri. Kita semakin memahami tentang halangan yang lebih jelas yang masih merintang pembangunan yang kita cari, sama ada dari segi sosial, politik, ekonomi, komersil atau struktural.

Dengan kata lain, beta percaya kita telah membuat banyak kemajuan. Justeru itu beta cukup optimistik. Meskipun terdapat begitu banyak halangan sebagaimana biasa, beta yakin bahawa lima tahun itu telah menyaksikan Negara-negara Selatan meningkatkan signifikannya sebagai kuasa yang sepakat dalam ehwal dunia.

Sudah pasti, Sidang Kemuncak September ini di New York, menguji kenyataan ini dengan mendalam. Ianya akan menyampaikan ulasan yang lebih teliti dan terperinci. Beta memang menunggu-nunggu penghasilannya.

Harapan utama beta adalah agar perbincangan mengenai reformasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang kini semakin hangat di seluruh dunia bukan hanya semata-mata perundingan politik. Jika berlaku demikian, sebahagiannya bergantung kepada perjanjian yang kita capai selaku pemimpin Negara-negara Selatan. Ini merupakan teras kepada sebarang bentuk reformasi. Dengan demikian baharulah rakyat Negara-negara Selatan memandang Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai sumber bagi mereka untuk mendapatkan pembangunan yang saksama.

Atas sebab itu kami di Negara Brunei Darussalam bersedia menghadapi Mesyuarat Sesi Plenari Tertinggi pada bulan September ini dengan semangat keterbukaan. Kami berusaha untuk menyumbang sedaya upaya kami bagi memastikan agar Sidang Kemuncak ini dapat membantu mencapai kesepakatan yang kukuh dan bermakna lebih-lebih lagi dalam usaha kami untuk meletakkan pembangunan sebagai pusat keprihatinan antarabangsa.

Dalam hubungan ini, kami amat mementingkan bukan hanya perpaduan di kalangan rakan-rakan sejawat kami di Negara-negara Selatan, malahan jua kemampuan kita semua untuk bekerja dengan konstruktif bersama-sama Negara-negara Selatan.

Yang pertama menggambarkan betapa perlunya untuk bekerja dengan rapat dan berjaya bersama-sama dengan negara-negara membangun. Oleh yang demikian, kami percaya adalah penting agar perpaduan di kalangan negara-negara membangun menjadi platform yang kukuh untuk menjalin hubungan dengan Negara-negara Utara.

Kita mencapai pendekatan ini dari pengalaman yang amat berharga yang diperolehi tatkala bekerja bersama-sama dengan rakan-rakan sejawat dari Negara-negara Selatan sejak Sidang Kemuncak Pertama di Havana. Beta yakin kita semua komited kepada segala matlamat yang kita semua agih serta bersama-sama kita bekerja ke arah pencapaiannya.

Dalam hubungan ini, beta amat gembira berada di sini, di Doha sebagaimana kita menjadi saksi kepada pencapaian Yang Teramat Mulia Emir atas wawasan jangka panjangnya, dedikasi sepenuhnya serta usahanya yang tidak henti-henti. Ianya sudah pasti akan menjadi sumber inspirasi yang amat berharga bagi kita semua.

Se kian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.